

## Penggunaan Strategi Komunikasi Berdasarkan Bahasa Ibunda Dalam Pembelajaran Bahasa Asing di Malaysia

Nurmasturah Binti Jamil<sup>1</sup>, Noor Asliza Binti Abdul Rahim<sup>1</sup> dan Shuhairimi Abdullah<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Sains Liberal, Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Perlis

<sup>2</sup> Centre of Excellence for Social Innovations & Sustainability, Pusat Sains Liberal, Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Perlis

### ABSTRAK

*Strategi Komunikasi (SK) merupakan salah satu elemen penting dalam pembelajaran bahasa. Penguasaan SK dalam pembelajaran bahasa asing memanfaatkan pelajar dalam meningkatkan keberkesanan proses komunikasi. Artikel ini bertujuan membincangkan jenis SK berdasarkan bahasa ibunda yang digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa asing di Malaysia. Hasil tinjauan literatur mendapati tiga jenis SK berdasarkan bahasa ibunda yang digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa asing, iaitu strategi penukaran kod, pengantarabangsaan dan terjemahan literal. Melalui penelitian ke atas kajian lepas, penggunaan SK terbukti membantu meningkatkan kecekapan pelajar dalam pembelajaran bahasa asing. Oleh itu, penekanan terhadap SK berdasarkan bahasa ibunda perlu diberi perhatian sewajarnya agar usaha meningkatkan penguasaan berbahasa asing dapat dijalankan secara berterusan. Beberapa cadangan bagi tujuan penambahbaikan turut dikemukakan menerusi kajian ini.*

**Kata Kunci:** Bahasa Ibunda, Pengantarabangsaan, Penukaran Kod, Strategi Komunikasi, Terjemahan Literal.

### ABSTRACT

*Communication strategy (CS) is one of the important elements in language learning. Mastery of CS in foreign language learning benefit students in improving the effectiveness of communication process. This article aims to discuss the types of CS based on the mother tongue that used by students in learning foreign languages in Malaysia. The results of the literatures review found that there are three types of L-1 based strategies on the mother tongue used by students in foreign language learning, which is code switching, foreignizing and literal translation. Based on previous studies research, the use of CS has been proven on improving students' proficiency in learning foreign languages. Therefore, the emphasis on CS proficiency based on the mother tongue should be given attention, so that efforts to improve foreign language proficiency can be carried out continuously. Several suggestions for improvement are also presented through this study.*

**Keywords:** Mother Tongue, Foreignizing, Code Switching, Communication Strategy, Literal Translation.

## 1. PENGENALAN

Pembelajaran bahasa asing sebagai bahasa ketiga sentiasa mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Penguasaan kemahiran komunikasi dalam berbahasa asing didapati meningkatkan potensi diri pelajar selain turut memanfaatkan negara dalam meluaskan jaringan

---

<sup>1</sup> Koresponden: nurmasturahjamil@gmail.com

ekonomi dan sosial. Justeru, pendedahan terhadap penguasaan berbahasa asing diberi penekanan oleh kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2021-2025 yang diperkenalkan seawal di peringkat prasekolah (Abdul Rahman *et al.*, 2017; KPM 2013). Pembelajaran bahasa asing juga turut diperluaskan ke peringkat sekolah menengah dan pengajian tinggi melalui penawaran kursus dan program bahasa asing secara formal (Anuar, 2019; Kassim *et al.*, 2017). Melihat kepada pembelajaran bahasa asing yang mula dijalankan seawal di peringkat prasekolah, khususnya bagi mata pelajaran Bahasa Arab, pelajar sepatutnya dianggap berkebolehan untuk menguasai empat kemahiran komunikasi, iaitu mendengar, membaca, bertutur dan menulis dengan baik. Namun, rata-rata pelajar di peringkat sekolah menengah dan pengajian tinggi didapati masih berada di tahap lemah dalam penguasaan berbahasa asing (Maaruf & Samah, 2020; Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, 2020). Kebanyakan daripada mereka gagal menguasai kemahiran berkomunikasi dalam berbahasa asing dengan berkesan. Menurut Aliff Nawi, (2020); Mahmood dan Zailani, (2017) dan Sumaiyah *et al.*, (2018), masalah komunikasi boleh terjadi disebabkan oleh kelemahan penguasaan bahasa, kekurangan kosa kata, ketiadaan strategi dan sebagainya. Masalah tersebut didapati menjadi faktor kepada kegagalan pelajar untuk menyampaikan mesej dengan sempurna. Perkara ini secara tidak langsung turut memberi kesan kepada persepsi dan minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa asing selain turut menjejaskan pencapaian pelajar dalam penguasaan berbahasa. Oleh itu, bagi mengatasi masalah gangguan komunikasi, penggunaan strategi komunikasi yang betul dapat membantu pelajar untuk menyampaikan mesej dengan berkesan.

## 2. LATAR BELAKANG KAJIAN

SK mula dipelopori oleh Selinker pada tahun 1972 dengan penggunaan istilah 'bahasa antara' (Selinker, 1972). Tarone kemudiannya memperkenalkan istilah 'strategi komunikasi' atau '*communication strategies*' pada tahun 1976. Tarone mendefinisikan SK sebagai 'satu percubaan secara sistematik yang dilakukan oleh pelajar bagi menyampaikan atau mentafsir maksud mesej dalam bahasa sasaran apabila mereka berhadapan dengan masalah linguistik yang tidak dapat dibentuk' (Tarone *et al.*, 1976). Dalam pada itu, Tarone turut mengemukakan taksonomi Tarone (1977) yang menjadi asas kepada perkembangan teknik strategi komunikasi. SK mula mendapat perhatian para sarjana Barat sekitar tahun 1980-an iaitu Canale dan Swain (1980 & 1983), Faerch dan Kasper (1983), Bialystok (1980 & 1983), Paribakht (1985), Willems (1987), kumpulan Nijmegen, Poulisse (1993), Dornyei (1995) serta Dornyei & Scott (1997) dan sebagainya (Dornyei & Scott, 1997; 1996 & 1997). Sebahagian daripada mereka didapati mengemukakan taksonomi baru dengan mengadaptasi taksonomi Tarone (1977).

Perkembangan SK dalam pembelajaran bahasa turut mendapat perhatian para sarjana tempatan sekitar tahun 2000. Ini dapat dibuktikan dengan penghasilan beberapa kajian tempatan yang mengkaji penggunaan elemen SK dalam pembelajaran bahasa asing di Malaysia. Antaranya ialah kajian Abdullah (2009) yang mengkaji penggunaan SK secara lisan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di peringkat sekolah menengah, kajian Abd Halim (2011) yang mengkaji pengaruh SK pembelajaran Bahasa Perancis dalam kalangan pelajar di peringkat pengajian tinggi, kajian Abdullah dan Hussin (2017) yang mengkaji penggunaan SK pembelajaran Bahasa Jepun dalam kalangan pelajar Melayu, kajian Pangat (2017) yang mengkaji penggunaan SK pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah rendah berbangsa Cina. Penggunaan SK dalam pembelajaran bahasa asing didapati membantu mengatasi masalah yang sering berlaku semasa aktiviti penyampaian mesej. Selain itu, kepentingan SK juga dapat meningkatkan keberkesanan proses komunikasi antara dua interlokutor selain turut memperkasa tahap penguasaan linguistik dalam kalangan pelajar.

Taksonomi SK dibangun oleh para sarjana bertujuan untuk mengklasifikasikan jenis SK yang dapat membantu interlocutor meneruskan proses komunikasi. Mereka mengemukakan taksonomi berdasarkan kepada pengkhususan tertentu, namun ianya masih tidak tersasar dari matlamat utama SK dalam membantu proses penyampaian mesej. Sebahagian sarjana seperti Bialystok dan kumpulan Nijmegen (1983) serta Ishaq *et al.* (2019) didapati mengklasifikasikan taksonomi mereka kepada tiga pembahagian utama, iaitu strategi berdasarkan bahasa ibunda, strategi berdasarkan bahasa asing dan strategi berbentuk bukan linguistik. Berdasarkan kepada konteks kajian ini, pengkaji memfokuskan kajian kepada strategi berbentuk bahasa ibunda. Strategi berbentuk bahasa ibunda merupakan strategi linguistik yang mempunyai hubungan dengan bahasa ibunda pelajar. Strategi ini digunakan dengan memindahkan maksud mesej sasaran dalam bahasa asing dengan menggunakan perkataan atau frasa dari bahasa ibunda atau bahasa-bahasa lain (Ishaq *et al.*, 2019). Antara jenis strategi yang diklasifikasikan di bawah bahasa ibunda ialah penukaran kod, terjemahan literal dan pengantarabangsaan (Bialystok, 1983; Ishaq *et al.*, 2019).

### **3. METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini pada asasnya menerapkan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Pengumpulan data diperoleh melalui kaedah analisis dokumen yang terdiri daripada buku, artikel dan tesis yang berkaitan dengan penggunaan SK dalam pembelajaran bahasa asing di Malaysia. Seterusnya, data dianalisis menggunakan pendekatan deskriptif. Secara umumnya, kecenderungan pengkaji untuk menganalisis jenis SK berdasarkan bahasa ibunda dipengaruhi oleh dapatan kebanyakan kajian yang membuktikan bahawa sebahagian besar pelajar yang mempelajari bahasa asing lebih gemar menggunakan strategi berbentuk bahasa ibunda bagi meningkatkan penguasaan berbahasa.

### **4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan sorotan kajian lalu, terdapat beberapa kajian berkaitan SK dalam pembelajaran bahasa asing di Malaysia telah dijalankan oleh sarjana tempatan. Kajian literatur mendapati tiga jenis strategi berdasarkan bahasa ibunda yang sering digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa asing, iaitu penukaran kod, pengantarabangsaan dan terjemahan literal.

#### **4.1 Penukaran Kod**

Menurut Bialystok (1983a: 105), penukaran kod yang juga dikenali sebagai penukaran bahasa merujuk kepada penggunaan satu-satu perkataan atau frasa dalam bahasa ibunda secara terus tanpa diterjemahkan terlebih dahulu ke dalam bahasa sasaran. Pangat (2017: 164, 200) melihat bahawa strategi ini mempunyai kaitan dengan kemasukan elemen-elemen bahasa ibunda ke dalam bahasa sasaran dan didapati menjadi kebiasaan untuk digunakan oleh pelajar yang belum menguasai bahasa sasaran secara sepenuhnya. Hal ini turut disokong oleh Farah Tajuddin *et al.* (2013: 110) yang juga mendapati pelajar cenderung menggunakan penukaran kod bagi merujuk kepada sesuatu amalan dan budaya masyarakat yang menggunakan sesebuah bahasa sasaran. Walau bagaimanapun, Tarone (1983) menjelaskan bahawa penggunaan strategi ini dalam kalangan penutur bukan natif hanya bersifat sementara dan berkurangan apabila mereka dapat menguasai linguistik bahasa sasaran dengan baik. Dalam pada itu, Poplack (1987) menyatakan bahawa strategi penukaran kod hanya memberi keberkesanan dalam proses komunikasi jika kedua-dua bahasa yang digunakan, iaitu bahasa sasaran dan bahasa ibunda adalah dari rumpun bahasa yang sama. Hal tersebut turut disokong oleh Halim (2011: 197) yang mendapati bahawa penggunaan strategi ini tidak dapat memberi keberkesanan terhadap proses komunikasi yang melibatkan Bahasa Perancis dan Bahasa Melayu atas faktor kedua-dua bahasa tersebut berasal

dari rumpun yang berbeza dan hanya mempunyai persamaan di tahap yang sangat minimum. Tambahan Pangat (2017: 281), strategi penukaran kod juga sukar dilaksanakan jika kedua-dua interlocutor tidak mempunyai pengetahuan dalam sesebuah bahasa sasaran atau menggunakan bahasa ibunda yang sama. Namun, strategi ini boleh menyokong perkembangan bahasa dan memanfaatkan komunikasi sekiranya digunakan secara betul walaupun kedua-dua interlocutor mempunyai latar belakang bahasa ibunda yang sama (Pangat, 2017: 281). Hal yang sama turut dinyatakan oleh Abdullah (2017: 26) yang berpendapat bahawa strategi penukaran kod ini sesuai digunakan dalam konteks masyarakat di Malaysia yang terdiri daripada pengamal satu (*bilingual*) dan banyak bahasa (*multilingual*) serta menggunakan lebih dari satu bahasa dalam komunikasi harian.

Strategi penukaran kod didapati digunakan oleh pelajar yang mempelajari bahasa asing atas beberapa faktor, iaitu masalah penguasaan kosa kata yang terhad dalam bahasa sasaran, berfikir menggunakan bahasa ibunda ketika berkomunikasi, beranggapan bahawa setiap perkataan dalam bahasa ibunda wujud dan mempunyai maksud sama dengan bahasa sasaran, mengelak gangguan dan risiko untuk meneruskan ujaran, kesukaran mengingati perkataan dan kegagalan mencari perkataan atau frasa yang mempunyai makna sama dalam bahasa sasaran (Aladdin, 2012; Farah Tajuddin *et al.*, 2013; Halim, 2011; Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat, 2015; Ishaq *et al.*, 2019; Pangat, 2017). Bertitik tolak dari masalah yang dihadapi, pelajar mengambil langkah menggunakan penukaran kod untuk menyelesaikan masalah tersebut. Namun, terdapat juga segelintir pelajar memilih jalan mudah untuk tidak mencari kosa kata sesuai yang telah dipelajari serta tidak menguasai kosa kata yang ditukarkan kod (Halim, 2012: 698 & 699). Selain itu, Halim (2012: 703) turut mendapati bahawa segelintir pelajar yang menggunakan penukaran kod bukan disebabkan oleh kekurangan kosa kata, tetapi kerana telah mengetahui bahawa pembaca atau pendengar sasaran mempunyai latar belakang bahasa ibunda yang sama dengan mereka.

Pelajar menggunakan strategi penukaran kod melalui beberapa pendekatan, antaranya menggunakan perkataan bahasa ibunda ke dalam ujaran bahasa sasaran tanpa memadankan struktur atau fonologi bahasa sasaran, menggunakan bahasa ibunda sepenuhnya dalam ujaran sebagai respon terhadap soalan yang dikemukakan dalam bahasa sasaran, menggantikan kosa kata bahasa sasaran yang tidak diketahui dengan kosa kata bahasa ibunda dan mencampurkan perkataan bahasa ibunda atau bahasa asing lain ke dalam ayat (Halim, 2011; Ishaq *et al.*, 2019; Pangat, 2017). Selain itu, terdapat juga pelajar yang bertindak memasukkan kosa kata bahasa ibunda yang bertentangan dengan sistem bahasa sasaran (Pangat, 2017: 163). Hal ini mungkin didorong oleh faktor yang mendesak pelajar untuk meneruskan komunikasi. Mereka bertindak memasukkan partikel berbentuk kosa kata, rangkaian kata, atau ayat bahasa ibunda ke dalam ujaran bahasa sasaran (Pangat, 2017: 200).

Dalam pada itu, kajian Halim (2012: 693) mendapati pelajar turut menggunakan strategi penukaran kod ke dalam partikel berbentuk kata nama, adjektif, kata hubung dan kata ganti nama diri bagi tujuan penunjangan, penghubung dan penggantian ketidakboleh-terjemahan. Penunjangan adalah strategi yang digunakan apabila seseorang tidak mengingati sesuatu perkataan, manakala penghubung pula digunakan untuk menyambung satu huraian ke satu huraian lain. Strategi penggantian ketidakboleh-terjemahan pula digunakan untuk menyatakan sesuatu yang tidak wujud dalam bahasa sasaran (Halim, 2012: 695). Bagi tujuan penunjangan dan penghubung, Halim (2012: 695) berpandangan bahawa pelajar tidak seharusnya menggunakan strategi penukaran kod disebabkan dapatan kajian beliau mendapati bahawa perkataan yang ditukarkan kod adalah perkataan yang biasa digunakan dalam pembelajaran bahasa sasaran. Namun, penukaran kod terhadap perkataan yang bersifat ketidakboleh-terjemahan seperti perkataan 'air sirap', 'kain batik' dan 'ayam masak cili padi' merupakan istilah khusus yang tidak dapat memberi makna yang sama dengan maksud asal jika diterjemahkan ke bahasa sasaran. Hal ini kerana perkataan tersebut tidak wujud dalam kosa kata bahasa sasaran serta perlu disertakan huraian yang jelas bagi menguatkan lagi pemahaman pembaca dan penutur terhadap mesej yang diberikan (Halim, 2012: 700).

Secara umumnya, pelajar yang mempelajari bahasa asing di Malaysia gemar menggunakan strategi penukaran kod ketika berkomunikasi, sama ada secara lisan atau tulisan. Hal ini dinyatakan oleh Hazlina Abdul Halim dan Roslina Mamat (2015: 29) yang berpendapat bahawa strategi penukaran kod merupakan antara strategi komunikasi dominan yang sering digunakan oleh pelajar. Hal ini turut disokong oleh Farah Tajuddin *et al.*, (2013) dan Hua *et al.*, (2012) dengan menjelaskan bahawa pelajar yang mempunyai tahap penguasaan bahasa yang rendah lebih kerap menggunakan strategi ini berbanding pelajar yang mempunyai tahap penguasaan bahasa yang baik. Walau bagaimanapun, Pangat (2017: 200 & 201) mempunyai pendapat yang berbeza dengan menyatakan bahawa majoriti pelajar yang berada tahap pencapaian sederhana mempunyai kecenderungan untuk menggunakan penukaran kod berbanding pelajar di tahap pencapaian rendah dan tinggi. Selain itu, dapatan Halim (2012: 696) menyatakan bahawa pelajar Melayu lebih gemar menukar kod ke bahasa ibunda berbanding bahasa asing lain. Hal ini dilihat bertentangan dengan dapatan kajian Farah Tajuddin *et al.* (2013: 105) yang mendapati bahawa pelajar Cina hanya menggunakan penukaran kod ke bahasa ibunda pada skala kekerapan yang sangat kecil. Keadaan ini mungkin disebabkan kurangnya penggunaan bahasa asing oleh pelajar Cina dalam interaksi yang berlaku di luar kelas atau rumah. Perkara yang sama turut disokong oleh Halim (2012: 697) yang beranggapan bahawa penggunaan strategi ini mungkin mempunyai kaitan dengan kekerapan penggunaan bahasa sasaran yang rendah di luar waktu pembelajaran.

## 4.2 Pengantarabangsaan

Pengantarabangsaan didefinisikan sebagai penciptaan perkataan yang tidak wujud dalam bahasa ibunda dengan menerapkan sistem morfologi atau fonologi dari bahasa sasaran ke dalam bahasa ibunda (Bialystok, 1983a: 105). Strategi ini digunakan sebagai percubaan untuk menyampaikan mesej dengan cara menyesuaikan sebutan dengan struktur tulisan bagi menggambarkan fonologi perkataan yang lebih kurang sama dengan bahasa ibunda atau bahasa asing lain (Farah Tajuddin *et al.*, 2013: 103-108). Shahirah Sulaiman dan Supyan Hussin (2018: 658) yang menjalankan kajian terhadap pelajar yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda mendapati pelajar menggunakan istilah khas seperti nama penyakit iaitu 'kaki gajah' bagi merujuk kepada penyakit '*elephantiasis*' dan nama ubat tradisional iaitu 'minyak gamat' bagi merujuk kepada '*sea cucumber oil*'. Menurut Farah Tajuddin *et al.* (2013: 109), hal ini berkemungkinan disebabkan oleh faktor budaya, iaitu apabila berhadapan dengan keperluan untuk mengekspresikan sesuatu perkataan yang berbeza atau tidak wujud dalam budaya sesebuah masyarakat. Selain itu, Shahirah Sulaiman dan Supyan Hussin (2018: 658) turut menjelaskan bahawa strategi pengantarabangsaan memerlukan penguasaan pelajar terhadap pengetahuan dan kosa kata yang tinggi dalam kedua-dua bahasa. Ini kerana pelajar perlu memasukkan elemen dari bahasa sasaran atau bahasa asing lain ke dalam bahasa ibunda dan menyesuaikan perkataan yang dicipta dengan struktur ayat bahasa ibunda. Perkara yang sama turut dinyatakan oleh Farah Tajuddin *et al.* (2013: 103-108) yang juga mendapati bahawa strategi ini lebih kerap digunakan oleh pelajar yang mempunyai tahap pencapaian tinggi berbanding dengan pelajar di tahap pencapaian rendah.

## 4.3 Terjemahan Literal

Terjemahan literal didefinisikan sebagai terjemahan perkataan atau frasa secara per kata dengan menggunakan leksikal atau struktur bahasa sasaran yang kebiasaannya tidak wujud dalam bahasa ibunda (Bialystok, 1983a: 106). Ashinida Aladdin (2012: 651) turut mendefinisikan terjemahan literal sebagai menterjemahkan satu-satu perkataan atau istilah dalam bahasa sasaran secara bulat-bulat daripada bahasa ibunda. Dalam pada itu, Rahim (2018: 59) menjelaskan bahawa terjemahan literal merupakan terjemahan per kata yang dilakukan tanpa merujuk kepada struktur ayat bahasa sasaran. Kajian Halim (2011: 203) mendapati pelajar menggunakan terjemahan literal bagi tujuan menterjemahkan elemen budaya Malaysia ke dalam bentuk penulisan. Strategi ini digunakan apabila pelajar mula berfikir menggunakan bahasa

ibunda terlebih dahulu dan kemudiannya menterjemahkan perkataan atau frasa tersebut secara bulat-bulat ke dalam bahasa sasaran dengan menggunakan struktur bahasa ibunda (Aladdin, 2012; Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat, 2015; Ishaq *et al.*, 2019; Sulaiman *et al.*, 2018). Hal ini secara tidak langsung menyebabkan terjemahan yang dihasilkan tidak bertepatan dengan sistem linguistik bahasa sasaran dan menyebabkan ujaran tersebut sukar difahami dan mengelirukan pendengar (Abd Rahim, 2018; Aladdin, 2012).

Strategi ini juga merupakan salah satu SK yang kerap digunakan oleh pelajar bagi mengimbangi masalah penguasaan kosa kata dan linguistik bahasa sasaran, melancarkan proses komunikasi dan menjelaskan maksud mesej (Abd Halim, 2011; Abd Rahim, 2018; M. A. R. Abdullah & Hussin, 2017; Aladdin, 2012; Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat, 2015; Hua *et al.*, 2012; Sulaiman *et al.*, 2018). Menurut Hua *et al.* (2012: 839), strategi ini digunakan oleh semua peringkat tahap pencapaian pelajar secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, beliau berpendapat bahawa tahap penguasaan bahasa yang baik diperlukan bagi memastikan terjemahan yang dihasilkan bersesuaian dan tidak tersasar dari kandungan wacana. Hal ini turut dibuktikan oleh kajian Farah Tajuddin *et al.* (2013: 106) yang mendapati segelintir pelajar menterjemahkan partikel struktur kata, terutamanya kata penghubung seperti 'untuk' bagi merujuk kepada 'dan' yang dilihat kurang bertepatan dengan konteks wacana penulisan bahasa sasaran. Perkara ini mungkin terjadi atas faktor perbezaan struktur ayat bahasa sasaran yang berbeza dengan bahasa ibunda pelajar. Oleh itu, menurut Halim (2011: 203), pelajar perlu peka terhadap perbezaan struktur ayat dan gaya bahasa yang wujud antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran bagi memastikan proses penyampaian mesej dapat dijalankan dengan berkesan.

## 5. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, berdasarkan kepada kajian-kajian lepas, penggunaan SK berbentuk bahasa ibunda didapati membantu pelajar mengatasi masalah komunikasi yang terjadi dalam aktiviti interaksi. SK berbentuk bahasa ibunda yang terdiri daripada penukaran kod, pengantarabangsaan dan terjemahan literal sebenarnya memberi kelebihan kepada pelajar yang masih belum menguasai sistem linguistik bahasa sasaran secara sepenuhnya untuk menyampaikan mesej dengan baik. Menurut Alharthi (2020), pelajar lebih gemar menggunakan kepelbagaian jenis SK ketika berinteraksi dalam bahasa asing berbanding dengan interaksi dalam bahasa ibunda. Hal yang sama turut disokong oleh kajian Ishaq *et al.* (2019) yang mendapati pelajar Melayu sering menggunakan strategi berbentuk bahasa ibunda ketika menjalankan aktiviti lisan dalam pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas. Selain mengatasi masalah gangguan interaksi, penggunaan SK turut berupaya menjadikan pelajar lebih yakin untuk berkomunikasi menggunakan bahasa asing. Beliau turut menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai tahap kompetensi berbahasa asing yang baik lebih cenderung menggunakan SK berdasarkan bahasa ibunda berbanding pelajar yang mempunyai tahap kompetensi yang sederhana dan rendah (Alharthi, 2020). Hal ini bertepatan dengan kajian Benali Taouis dan López Pérez (2018) yang mendapati bahawa pelajar yang diberi latihan pembelajaran secara khusus tentang SK menunjukkan pencapaian yang lebih baik berbanding pelajar yang tidak diberikan latihan. Dalam pada itu, Abid dan Gorontalo (2019) turut menyokong keperluan guru untuk memberi pendedahan secara khusus kepada pelajar mengenai penggunaan SK dalam pembelajaran bahasa asing. Hal ini secara jelas menunjukkan kepentingan pelajar untuk menguasai penggunaan SK dengan baik, terutamanya kepada pelajar yang mempelajari kursus atau program bahasa asing.

Melalui kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan bagi membantu pelajar untuk menguasai SK berbentuk bahasa ibunda dengan baik dalam pembelajaran. Antaranya:

- a) Guru perlu mendedahkan pelajar dengan cara penggunaan SK yang betul dan berkesan semasa aktiviti pembelajaran bahasa, terutamanya strategi berbentuk bahasa ibunda. Selain itu, guru juga perlu melatih pelajar membina ayat mengikut gaya bahasa sasaran dengan menggunakan pelbagai jenis SK melalui pelaksanaan latihan intensif secara berterusan.
- b) Pelajar perlu memperluaskan kepelbagaian bahan bacaan bagi membantu mereka memilih SK yang bersesuaian untuk digunakan dalam komunikasi. Hal ini bagi mengelakkan mereka menggunakan SK secara membata tuli tanpa menyesuaikan penggunaannya terhadap konteks wacana bahasa sasaran.
- c) Kerajaan juga dicadangkan untuk menyemak semula kandungan pembelajaran mata pelajaran bahasa asing di peringkat sekolah bagi memastikan objektif yang ditetapkan memenuhi keperluan terkini. Penguasaan pelajar terhadap kemahiran komunikasi seharusnya diberikan penekanan dan perhatian bagi memenuhi matlamat yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025.
- d) Penerapan elemen komunikasi melalui bahan bacaan, rujukan ilmiah serta buku teks perlu diperhalusi bagi memastikan pembelajaran bahasa asing dapat dijalankan secara mantap dan berkesan. Hal ini juga selaras dengan perkembangan konsep *Internet of Things (IoT)* dalam dunia pendidikan pada hari ini.
- e) Penekanan terhadap elemen komunikasi secara lisan dan tulisan seperti pelaksanaan aktiviti penceritaan, penulisan wacana dan perdebatan dengan menggunakan tajuk-tajuk yang lebih realistik dengan komunikasi sebenar perlu diberi perhatian. Keadaan ini secara tidak langsung merangsang minat dan minda pelajar untuk menggunakan SK bagi tujuan penyampaian mesej dengan berkesan.

## RUJUKAN

- Abd Halim, Hazlina. (2011). Pengaruh Bahasa Melayu Dalam Strategi Komunikasi Penulisan Bahasa Perancis. In *Universiti Putra Malaysia*.
- Abd Rahim, Normaliza. (2018). Communication Strategies: a New Perspective in Communication. *Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal*, 6(1), 54–64. [https://iukl.edu.my/rmc/wp-content/uploads/sites/4/2019/08/7.-Normaliza\\_Communication-Strategies.pdf](https://iukl.edu.my/rmc/wp-content/uploads/sites/4/2019/08/7.-Normaliza_Communication-Strategies.pdf)
- Abdul Rahman, Awatif, Md Isa, Siti Nurhajariah, Mohd Hamdi, Norfaezah, & Hamdi, Idi. (2017). PENDIDIKAN BAHASA ARAB DI PERINGKAT PRASEKOLAH: SATU TINJAUAN AWAL. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan*. <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/pendidikan/25-AWATIF.pdf>
- Abdullah, Abdul Rahman. (2009). Kompetensi Komunikatif Dan Strategi Komunikasi Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sek. Men. Keb. Agama Di Negeri Selangor. In *Tesis Doktor Falsafah*.
- Abdullah, Muhammad Alif Redzuan, & Hussin, Sanimah. (2017). STRATEGI KOMUNIKASI LISAN BAHASA JEPUN PELAJAR MELAYU DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM. *Jurnal Kemanusiaan*, 2017, 24–28.
- Abid, (2019). *COMMUNICATION STRATEGIES AND L2 ORAL LITERACY*. August.
- Aladdin, Ashinida. (2012). Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi Dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(2), 645–666.
- Alharthi, Thamer. (2020). Implementation of Communication Strategies for Lexical Difficulties in Writing Production. *International Journal of Linguistics*, 12(1), 179–197. <https://doi.org/10.5296/ijl.v12i1.16500>
- Aliff Nawawi, Gamal Abdul Nasir Zakaria & Norkhairiah Hashim. (2020). Komunikasi Berkesan

- Menerusi Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam Kursus Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(1), 20–40.
- Anuar, Sopian. (2019). Kemahiran Menulis Bahasa Arab: Analisa Kelemahan Pelajar Uitm Melaka. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.27005>.
- Benali Taouis, H., & López Pérez, Sidoni. (2018). Teaching Written Communication Strategies: A Training to Improve Writing. *International Journal of Applied Linguistics and English Literature*, 7(2), 150–162. <https://doi.org/10.7575/aiac.ijalel.v.7n.2p.150>.
- Bialystok, Ellen. (1983). Some factors in the selection and implementation of communication Strategies. In *Strategies in Interlanguage Communication* (pp. 100–118).
- Farah Tajuddin, Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim, Ang Lay Hoon, Roswati Abdul Rashid, & Ilyana Jalaluddin. (2013). Communication Strategies in Written Text Among Basic Learners of Japanese Language: A Case Study of Universiti Putra Malaysia'S Students. *Global Media Journal – Malaysian Edition*, 3(1), 89–115.
- Halim, Hazlina Abdul. (2011). Pengaruh Bahasa Melayu Dan Bahasa Inggeris Dalam Strategi Penukaran Kod Bahasa Perancis. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2), 693–709.
- Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat, N. A. R. (2015). Strategi Komunikasi Penulisan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Perancis. *Jurnal Bahasa*, 15(1), 20–40.
- Hua, Tan Kim, Nor, Nor Fariza Mohd, & Jaradat, Mohd Nayef. (2012). Communication Strategies Among EFL Students - An Examination of Frequency of Use and Types of Strategies Used. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(3), 831–848.
- Ishaq, Amiruddin, Abdullah, Muhammad Hilmi, Zarima Muhammad Zakaria & Ja'far, Ramlah. (2019). المهارات الاتصالية في عملية التعليم والتعلم في المدارس الدينية بماليزيا. *Al-Makrifah*, 16, 44–54. <https://doi.org/10.1007/s11273-020-09706-3>  
<http://dx.doi.org/10.1016/j.jweia.2017.09.008>  
<https://doi.org/10.1016/j.energy.2020.117919>  
<https://doi.org/10.1016/j.coldregions.2020.103116>  
<http://dx.doi.org/10.1016/j.jweia.2010.12.004>  
<http://dx.doi.org/10.1016/j.jweia.2010.12.004>
- Kassim, Noorafini, Damit, Saimi Ag, & Muhammad Suhaimi Taat. (2017). Pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar PPPIB, UMS. *Jurnal 'Ulwan*, 1(2017), 125–142. <http://journal.kuim.edu.my/index.php/JULWAN/article/view/183/162>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*. Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Maaruf, Izzah Syakirah, & Samah, Rosni. (2020). Kebolehan Menterjemah Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar STAM. 3(12), 17–23.
- Mahmood, Mohd Uzaini, & Zailani, Muhammad Azhar. (2017). Kemahiran Menulis Jumlah Bahasa Arab. *The Online Journal of Islamic Education*.
- Muhammad Zulazizi Mohd Naw. (2020). Meningkatkan Kosa Kata , Motivasi dan Keyakinan Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kebangsaan Melalui Program Bahasa Arab. *Evaluation Studies in Social Sciences*, 9, 1–10.
- Pangat, Mohd Helmi. (2017). *Strategi Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Cina di SRJK(C): Kajian Kes di Daerah Hulu Langat, Selangor*. <http://studentsrepo.um.edu.my/11511/1/Samsuddin.pdf>
- Poplack, S. (1987). Contrasting Patterns of Code-Switching in Two Communities. *Aspects of Multilingualism*, 51–77.
- Selinker, L. (1972). Interlanguage. *International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 3(10), 209–231.
- Sulaiman, Shahirah, Hussin, Supyan, & Amir, Zaini. (2018). Communication Strategies Among Tertiary Students in Mlearning. *International Journal of Engineering and Technology(UAE)*, 7(2.29), 655–659. <https://doi.org/10.14419/ijet.v7i2.29.13993>
- Sumaiyah, Sulaiman, Nik Farhan, Mustapha, Pabiyah, Toklubok@Hajimaming, & Wan Muhammad, Wan Sulaiman. (2018). Permasalahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab



- dalam Kalangan Pelajar Peringkat Pengajian Tinggi. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*.
- Tarone, E. (1983). Some thoughts on the notion of ' communication strategy .' In *Strategies in Interlanguage Communication* (pp. 61-74).
- Tarone, E., Cohen, A. D., & Dumas, G. (1976). A Closer Look at Some Interlanguage Terminology: A Framework for Communication Strategies. *Working Paper on Bilingualism No 9*, 76-90. <https://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=eric&AN=ED125313&site=ehost-live>